



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PESERTA 9TH ASEAN CHILDREN'S FORUM SYOR USAHA MEMPERKUKUH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DI PERSEKITARAN RUMAH, SEKOLAH, RUANG DALAM TALIAN DAN KOMUNITI

PUTRAJAYA, 6 OGOS 2026 : Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Lim Hui Ying semalam telah menyempurnakan Majlis Penutupan 9th ASEAN Children's Forum (9th ACF) yang menghimpunkan peserta kanak-kanak dari Negara-Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States - AMS) secara hibrid. Forum ini menjadi wadah penting bagi kanak-kanak ASEAN untuk menyuarakan pandangan, pengalaman dan aspirasi mereka berhubung isu keganasan terhadap kanak-kanak, termasuk keganasan fizikal, emosi, mental dan seksual.

Dalam ucapan penutupnya, YB Timbalan Menteri menegaskan bahawa kanak-kanak merupakan rakan penting dalam membentuk ASEAN pada masa kini. Beliau berkata, pandangan yang disampaikan oleh peserta kanak-kanak mencerminkan pengalaman hidup, aspirasi dan harapan mereka yang turut menyumbang kepada pembinaan Komuniti ASEAN secara menyeluruh. YB Timbalan Menteri menyeru agar para pembuat dasar, agensi kerajaan, Badan Sektoral ASEAN dan rakan strategik dapat meneliti syor yang dikemukakan serta, jika bersesuaian, menterjemahkannya kepada dasar, program dan inisiatif yang konkrit di peringkat nasional dan serantau.

YB Timbalan Menteri turut merakamkan penghargaan kepada semua peserta kanak-kanak, wakil-wakil daripada AMS, Sekretariat ASEAN, Child Rights Coalition Asia (CRC Asia) serta rakan strategik lain dan semua pihak yang terlibat sama dalam menjayakan forum ini. Penganjuran 9th ACF mencerminkan komitmen berterusan ASEAN untuk memperkukuh perlindungan, pendidikan dan pemerkasaan kanak-kanak serta memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir daripada arus pembangunan rantau ini.

Hasil konsultasi sepanjang Forum berlangsung, para peserta telah mengemukakan syor kepada pemegang taruh ASEAN berkaitan perlindungan kanak-kanak dalam empat persekitaran utama, iaitu rumah, sekolah, ruang dalam talian dan komuniti. Antara syor yang diketengahkan adalah seruan kepada AMS untuk meningkatkan perlindungan kanak-kanak bagi mengukuh perundangan, mempelbagai saluran pelaporan mesra kanak-kanak, menguatkuasa dasar anti-buli, memperluas sokongan psikososial serta perkhidmatan inklusif untuk kanak-kanak dalam situasi rentan.

Selain peranan kerajaan, forum ini turut mengiktiraf tanggungjawab bersama ibu bapa, guru, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, media dan rakan sebaya dalam membina persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak. Di samping itu, para peserta juga menyatakan komitmen mereka untuk memberikan sokongan kepada rakan sebaya serta memupuk sikap prihatin dan saling menghormati dalam usaha menangani keganasan terhadap kanak-kanak.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM, Encik Mohd Daud bin Mohd Arif dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd. Zain. Turut hadir bersama adalah Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Wanita, Kanak-Kanak dan Keluarga, Puan Safriah binti Md Adzhar, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, Dr. Satish Ranggayah serta pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi di bawah KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 OGOS 2026**